

Publication: Berita Harian, p 5

Date: 12 January 2013

Headline: Multi-cornered fight expected for Punggol East by-election

Pertandingan berbilang penjuru dijangka

*WP dan SDP
dijangka perkenal
calon hari ini*

Oleh AZAHAR MOHD
azahar@sph.com.sg

KAWASAN undi perseorangan Punggol East berkemungkinan besar akan menyaksikan pertandingan berbilang penjuru.

Parti Pekerja (WP) dan Parti De-

mokratik Singapura (SDP) dijangka memperkenalkan calon mereka seawal hari ini, dua hari selepas pakar bedah kolorektum, Dr Koh Poh Koon, diumumkan sebagai calon Parti Tindakan Rakyat (PAP).

Perikatan Demokratik Singapura (SDA) yang bertanding dalam pilihan raya umum (GE) 2011 dijangka mengumumkan calon mereka dalam tempoh terdekat sementara Parti Pembaharuan (RP) berkata mereka masih memikirkan kemungkinan itu.

Sumber yang rapat dengan WP berkata parti itu dijangka mengu-

mumkan calon sebaik sahaja selepas Pengurus WP, Cik Sylvia Lim, yang mula bercuti apabila Presiden Tony Tan Keng Yam mengeluarkan writ Selasa lalu, pulang lewat pagi ini (Sabtu).

Anggota Parlimen Tanpa Kawasan Undi (NCMP), Encik Gerald Giam, 35 tahun, dan Encik Yee Jenn Jong, 47 tahun, disebut-sebut sebagai pilihan utama walaupun Encik Giam dilihat mempunyai kelebihan.

Sumber yang rapat dengan SDP pula berkata bendahara parti itu, Dr Vincent Wijeysingha, dijangka diu-

mumkan calon seawal hari ini.

Dalam mesyuarat yang diadakan petang semalam, kepimpinan parti telah diminta memilih satu daripada dua calon – Dr Wijeysingha dan pakar penyakit berjangkit, Dr Paul Tambyah.

Sumber SDP berkata mereka membuat keputusan untuk bertanding kerana selain mempunyai calon yang berwibawa, parti itu juga telah melakarkan pelbagai kertas dasar.

“Kami bertanding bagi memastikan penduduk Punggol East mempunyai pilihan. Ia juga bagi memasti-

kan WP tidak “sewenang-wenangnya” menunjukkan taring dalam pilihan raya umum akan datang,” menurut sumber itu lagi.

Ketika dihubungi semalam, Ketua RP, Encik Kenneth Jeyaretnam, berkata pihaknya masih memikirkan dengan mendalam kemungkinan sama ada mereka perlu bertanding di Punggol East.

“Anda akan ketahui keputusan kami dalam masa terdekat,” katanya.

Seorang pengamat politik yang juga profesor undang-undang Universiti

Pengurusan Singapura (SMU), Encik Eugene Tan, yang dihubungi berkata jika berlaku pertandingan berbilang penjuru, PAP mempunyai kelebihan.

“Bersandarkan kempen yang cekap, PAP berupaya menang di Punggol East tetapi dengan majoriti lebih rendah berbanding pilihan raya umum 2011 – sama ada ia pertandingan satu lawan satu atau berbilang penjuru.

“Namun kita tidak boleh menolak kemungkinan kecil WP akan menang di Punggol East,” ujarnya.